

Polis siasat rakaman perbincaraan Najib

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 20 APRIL**

SATU siasatan akan dilakukan di bawah Kertas Enkuari Polis (KEP) berhubung penuluran satu rakaman kamera litar tertutup (CCTV) prosiding perbincaraan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di dalam sosial Facebook semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, sebelum itu, pihaknya akan membuat laporan iaitu *first information report* (FIR) tentang siasatan tersebut memandangkan tiada siapa yang tampil membuat laporan polis.

"Laporan itu dibuat bagi mendapatkan maklumat awal untuk

mbolehkan siasatan dijalankan berhubung penuluran video berkenaan.

"Polis akan menyiasat terlebih dahulu untuk melihat apa kesalahan yang dilakukan," katanya kepada pemberita selepas Program Ramah Mesra bersama penduduk Segambut, di Taman Sri Segambut di sini hari ini.

Semalam, video berdurasi dua minit, 12 saat yang bertajuk 'Hari kelima perbincaraan Datuk Seri Najib' memaparkan rakaman pegawai bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah sedang menyoal saksi terbabit dalam kes itu tular di laman sosial.

Difahamkan, rakaman itu dimuat naik menerusi akaun bekas pegawai khas Najib, Isham Jalil tengah hari semalam dan sudah ditonton lebih 227,000 kali, dikongsi lebih 3,700 akaun Facebook dan mendapat lebih 1,900 komen.

Menerusi tajuk dimuat naik Isham, adalah dipercayai bahawa rakaman CCTV itu diambil ketika prosiding hari kelima Najib di Mahkamah Kuala Lumpur pada Khamis lalu.

Sementara itu Mazlan ketika berucap dalam majlis tersebut menyeru masyarakat agar berkongsi sebarang maklumat berkaitan jenayah dengan pihak polis dan tidak menularkan maklumat tersebut menerusi media sosial.

"Kita mahu maklumat daripada orang awam. Masyarakat boleh menyalurkan maklumat kepada polis dalam pelbagai bentuk seperti melalui aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP) di telefon pintar atau menghubungi talian hotline Polis Kuala Lumpur, 03-2115 9999 dan polis akan memberi respon dalam tempoh 15 minit," katanya.



RAKAMAN CCTV perbincaraan Mohd. Najib Tun Razak tular dalam media sosial, dipercayai dimuat naik oleh bekas